LAMPIRAN A

JAWATAN:

I. PAKAR LATIHAN DAN PENYELIDIKAN SAINS (RS3)
II. PAKAR LATIHAN DAN PENYELIDIKAN MATEMATIK (RS3)

SEAMEO RECSAM kini sedang mencari calon yang dinamik dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan sebagai Pakar Latihan dan Penyelidikan Sains, Pakar Latihan dan Penyelidikan Matematik, berdasarkan kriteria berikut:

1. Kriteria Umum:

a) Berpengalaman sebagai pendidik atau pegawai dalam Perkhidmatan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
b) Memiliki sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam pengajaran, sama ada di sekolah, institusi, atau universiti kerajaan.
c) Memiliki sekurang-kurangnya ijazah Sarjana dalam bidang pendidikan Sains dan Matematik.
d) Memiliki ijazah pertama yang selari dengan bidang pendidikan Sains dan Matematik.
e) Boleh berkomunikasi dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
f) Berpengalaman dalam bidang Penyelidikan dan Latihan adalah satu kelebihan
g) Calon mesti berada sekurang-kurangnya pada Gred DG10 pada tarikh permohonan.

2. Tugas dan Tanggungjawab: (Sila rujuk Lampiran B)

3. Skala Gaji Pakar Latihan dan Penyelidikan (Sains dan Matematik):

3.1 RS3 : Minimum RM5,696.00, Maximum RM13,946.00

Elaun Bulanan:

a) Elaun Tetap Keraian : RM550.00
b) Elaun Tetap Perumahan : RM700.00
c) Elaun Imbuhan Sara Hidup : RM300.00

3.2 Pegawai yang dilantik juga akan menerima insentif peminjaman mengikut gred jawatan hakiki pegawai.

4. Terma Pelantikan:

Calon yang berjaya akan ditawarkan pelantikan secara peminjaman selama dua (2) tahun sebagai Pegawai Gred RS3, dengan peluang pembaharuan tempoh peminjaman tertakluk kepada penilaian prestasi. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2012.**

5. Cara Memohon:

5.1 Pemohon yang berminat perlu mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melengkapkan borang permohonan, laporan rujukan, serta menyertakan dokumen sokongan yang diperlukan.

a) Setiap permohonan MESTILAH disertai bersama SALINAN dokumen berikut yang telah DISAHKAN
b) Kad Pengenalan
c) Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf,Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Trankskrip Akademik Terperinci);
d) Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat).

5.2 Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan tidak akan diproses. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan anggap tidak berjaya.

5.3 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Perjawatan Pakar Latihan Dan Penyelidikan Sains dan Matematik yang boleh diperolehi di **Bahagian Pentadbiran SEAMEO RECSAM** atau dengan melayari laman sesawang rasmi SEAMEO RECSAM di pautan berikut: **http://www.recsam.edu.my/index.php/about-us/vacancy.**